

07/06/1997

Remaja dahagakan contoh terbaik

Pemuda Pemangkin Reformasi

SEBAGAI pengasas dan ahli jawatankuasa unit bimbingan dan kaunseling pasukan Gerak Gempur Risikan dan Keselamatan Pemuda Umno Felda, saya terdorong untuk memberi pandangan bagi mengatasi masalah sosial sekarang.

Berdasarkan pengalaman walaupun pelbagai langkah diambil kerajaan untuk mengatasi masalah itu tetapi tanpa kerjasama orang ramai ia kurang berkesan.

Di Felda Bersia, misalnya, sejak unit bimbingan dan kaunseling ditubuhkan dua bulan lalu, sudah ada tanda-tanda positif bahawa masyarakat menerima cadangan kami dan bersama bertindak untuk membimbing remaja. Antara yang memberikan kerjasama adalah polis, guru, ibu bapa, murid sekolah, belia dan ahli Pekaseh. Malah ahli Pekaseh sendiri menganggotai pasukan ini bersama pemuda.

Sebagaimana yang diketahui, gejala sosial yang melanda remaja di negara ini mencapai tahap parah. Kesedaran kepada bahaya penyakit itu boleh dilihat menerusi kebimbangan kerajaan dan usaha yang bersungguh-sungguh dilakukan oleh pihak berkuasa, melalui jabatan dan agensi yang berkenaan. Malah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri amat menekankan betapa perlunya semua pihak mengambil langkah yang agresif untuk membendung gejala yang sedang menular ini.

Kita begitu kecewa apabila penyakit kronik ini melanda belia yang dianggap tonggak kekuatan negara masa depan. Remaja hari ini bergelut dengan kes penyalahgunaan dadah, pil khayal, buang bayi, kurang ajar, maksiat dan macam-macam lagi jenis keruntuhan moral. Tidakkah kita rasa tersentuh apabila mendapati sebahagian besar remaja yang terjebak itu sebenarnya adalah daripada golongan Melayu?

Menyedari hakikat bahawa usaha semua membanteras gejala sosial harus ditanggung bersama, kami pemuda Felda Bersia menubuhkan unit bimbingan dan kaunseling bertujuan mencuba sedaya upaya mencegah dan memulihkan mereka yang akan/sudah terbabit dalam masalah ini.

Untuk menjayakan tujuan itu jawatankuasa risikan dan keselamatan mengumpulkan seberapa banyak maklumat sahih sebelum sesuatu tindakan diambil.

Di samping itu, gerakan gempur mental dan fizikal juga dijalankan dari semasa ke semasa. Matlamatnya adalah untuk menyedarkan semua pihak di Felda agar mereka kembali ke jalan yang benar mengikut al-Quran/hadis dan Sunnah Rasul.

Pasukan ini yakin matlamat dan perjuangan mestilah diiringi doa dan keimanan. Percayalah remaja kita hari ini sebenarnya dahagakan contoh yang terbaik, sama ada di rumah atau sekolah. Oleh itu, marilah kita memimpin anak bangsa melalui teladan dan nasihat.

Biarkanlah mereka memenuhi masa lapang dengan perkara yang berfaedah kepada diri dan masyarakat. Semoga kesibukan itu akan menghindarkan anak kita daripada terjebak di dalam hal yang memudaratkan.

Dengan itu, kita menyeru semua pihak agar menghulurkan kerjasama demi untuk menjayakan agenda Wawasan 2020, yang ingin melihat bangsa Malaysia maju, produktif dan beretika tinggi.

Biarkanlah kita menyambut zaman Internet dan komputer ini dengan acuan sendiri, tanpa mengetepikan nilai moral.